

09 OCT 2001

Parlimen-Singapura

MALAYSIA DAN SINGAPURA USAHA SELESAIKAN MASALAH SECARA ADIL

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Singapura sedang berusaha menyelesaikan masalah bersama secara adil dan saksama menerusi kaedah memuaskan hati kedua-dua negara, kata Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Bagaimanapun, katanya, masih terlalu awal bagi kedua-dua negara menandatangani sebarang perjanjian kerana mesyuarat peringkat pegawai akan hanya diadakan dalam waktu terdekat ini.

Menjawab soalan Jimmy Donald (BN-Sri Aman) di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata pertemuan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew bulan lepas berhasil mendekatkan jurang pendirian kedua-dua negara mengenai isu berbangkit.

Beliau berkata dalam pertemuan itu kedua-dua pihak hanya menyentuh isu yang berbangkit secara prinsip dan bersetuju agar ianya diperhalusi oleh pegawai kedua-dua negara.

Toyad berkata pertemuan itu juga membolehkan kedua-dua negara menilai dan melihat semula isu berbangkit dalam konteks menyeluruh dengan mengambil kira kepentingan masing-masing manakala perbincangan di peringkat pegawai kelak ialah untuk mencari penyelesaian yang adil dan saksama.

Beliau berkata memandangkan pendekatan isu adalah secara pakej, maka kaedah penyelesaian perlu dilakukan secara sekaligus dan soal isu yang belum selesai tidak berbangkit.

Mengenai kenyataan Lee yang tidak senang untuk berurusan dengan Pas, Toyad berkata dalam soal itu Menteri Kanan Singapura itu hanya mengemukakan pendapat peribadinya dan tidak bermaksud untuk campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia.

"Kenyataan itu hendaklah dilihat dalam konteks Singapura memerlukan penyelesaian seawal mungkin agar isu berbangkit tidak merenggangkan hubungan dua hala," katanya.

--BERNAMA

AKT MAI